

28 OCT 1998

Mahathir-Brunei

DR MAHATHIR KE BRUNEI UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

Oleh: E. Sivabalan

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini, esok bagi lawatan kerja dua hari ke Brunei untuk mengukuhkan hubungan dua hala.

Lawatan itu juga merupakan sebahagian daripada peraturan rundingan Malaysia-Brunei.

Dr Mahathir dan Perdana Menteri Brunei Sultan Hassanah Bolkiah bersetuju di Kuala Lumpur tahun lepas untuk mengadakan pertemuan setiap tahun untuk bertukar idea dan membincangkan hal-hal serantau dan antarabangsa yang berkaitan.

Turut mengiringi Dr Mahathir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pemimpin Malaysia itu dan delegasi akan menginap di Rumah Tetamu Darut Takwa.

Dr Mahathir dijangka mengadakan pertemuan dengan rakyat Malaysia di negara itu di Rumah Malaysia yang mana beliau akan menerima sumbangan berjumlah RM42,000 bagi Tabung Khas Negara.

Selepas menghadiri majlis makan tengah hari yang diadakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Wan Yusof Embong di sini, Perdana Menteri akan bertolak ke Istana Nurul Iman untuk mengadap Sultan Hassanah.

Menurut Setiausaha Bahagian Asia Tenggara Kementerian Luar Mohd Arshad Hussain, kedua-dua pemimpin itu dijangka menumpukan perbincangan kepada usaha bersama Malaysia dan Brunei dalam menangani krisis serantau.

Dr Mahathir juga dijadualkan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh Sultan Hassanah di Kelab Polo Jerudong, esok.

Pada Jumaat, Dr Mahathir akan bersama Sultan Hassanah bagi santapan pagi sebelum pulang dengan pesawat khas.

Sementara itu, satu program berasingan telah diatur bagi Dr Siti Hasmah yang antaranya ialah lawatan ke Kompleks Yayasan Sultan Hassanah Bolkiah.

Lawatan kali ini ke Brunei merupakan yang kedua bagi Dr Mahathir pada tahun ini. Kali terakhir beliau berada di sini ialah pada 18 Feb lepas bagi lawatan kerja singkat dan kedua-dua pemimpin itu bertemu semula di Kuala Lumpur pada 28 Feb lepas apabila Sultan Hassanah melakukan lawatan singkat ke Malaysia.

Sultan Hassanah juga berada di Kuala Lumpur baru-baru ini bagi menghadiri Sukan Komanwel ke 16.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Brunei bagi lapan bulan pertama tahun ini berjumlah RM595.7 juta berbanding RM830.8 juta bagi seluruh 1997.

-- BERNAMA

ES PR